

28 DEC 2001

Dzaiddin-Hakim

TERDAPAT KEPERLUAN MENDESAK ISI KEKOSONGAN HAKIM MAHKAMAH RAYUAN

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah hari ini berkata terdapat keperluan segera untuk mengisi enam kekosongan jawatan hakim Mahkamah Rayuan bagi mengendalikan timbunan kes-kes tertangguh sementara menunggu rayuan.

Beliau berkata jumlah hakim Mahkamah Rayuan akan ditambah daripada 10 kepada 15 orang, menjadikan sebanyak enam kekosongan dengan persaraan Datuk Shaik Daud Ismail baru-baru ini.

Dzaiddin berkata beliau akan mengemukakan nama-nama calon bagi hakim Mahkamah Rayuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pelantikan akan dibuat seawal akhir Mac tahun depan.

"Saya mungkin mencadangkan menaikkan pangkat beberapa hakim Mahkamah Tinggi (sebagai hakim Mahkamah Rayuan) kerana kita bercadang mengadakan persidangan serentak sebanyak dua korum hakim menjelang 2 Jan tahun depan," katanya.

Dzaiddin berkata demikian kepada pemberita selepas Datuk Balia Yusof Haji Wahid mengangkat sumpah jawatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di hadapan beliau dan Hakim Besar Malaya Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim di Mahkamah Persekutuan hari ini.

Beliau berkata sehingga 1 Jan tahun ini, terdapat 5,240 kes sivil dan 4,900 kes jenayah serta 812 permohonan bagi rayuan di Mahkamah Rayuan.

Ditanya siapa yang akan menggantikan Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Wan Adnan Ismail yang meninggal dunia pada 24 Dis, Dzaiddin berkata beliau masih belum memikirkan perkara itu.

Ahmad Fairuz kini menjalankan tugas dan fungsi sebagai Presiden Mahkamah Rayuan.

Ditanya mengenai tempoh bagi para hakim menyediakan penghakiman mereka, Dzaiddin berkata tempoh itu telah dilanjutkan dari enam kepada lapan minggu dari tarikh notis rayuan difailkan.

"Kami berpendapat ini (tempoh waktu) adalah mencukupi (bagi para hakim menulis penghakiman) dengan mengambil kira peningkatan dan kerumitan kes-kes," katanya.

Sementara itu, Balia Yusof, 49, berasal dari Parit, Perak, akan berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Alor Setar dari 2 Jan.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman Johor pada 1977 selepas memperolehi ijazah undang-undang di Universiti Malaya.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai timbalan pendakwa raya di Pejabat Peguam Negara dan di Negeri Sembilan pada 1980 serta sebagai Penasihat Undang-undang bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Balia Yusof, yang berkahwin dengan seorang pegawai bank Datin Faridah Amiruddin dan mempunyai empat anak juga merupakan peguam kanan persekutuan di Pejabat Peguam Negara pada 1992.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Penggubal Undang-undang Parlimen, Peguamcara di Perbendaharaan serta Pengerusi dan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan di Perbendaharaan.

-- BERNAMA

PK HS RHM